



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (19 APRIL 2021)

1. LAPORAN HARIAN

A. Kes Baharu COVID-19.

Hari ini terdapat **589 kes baharu COVID-19** dikesan di Sarawak. Daerah-daerah yang merekodkan kes pada hari ini ialah Daerah Sibu (133), Bintulu (99), Mukah (82), Kapit (72), Kuching (44), Sarikei (31), Miri (30), Meradong (16), Tatau (16), Sri Aman (13), Selangau (11), Matu (8), Kanowit (6), Tanjung Manis (5), Bukit Mabong (4), Serian (4), Pakan (4), Samarahan (3), Subis (2), Dalat (2), Kabong (1), Song (1), Saratok (1) dan Julau (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan **meningkat kepada 24,529 kes.**

Daripada 589 kes baharu yang dilaporkan, seramai 88 orang telah menunjukkan tanda dan mengalami gejala jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan.

Manakala, seramai 473 orang adalah terdiri daripada individu yang telah diberi arahan perintah kuarantin. Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada:

- I. **321 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (12 kes bergejala).
- II. **152 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (10 kes bergejala).
- III. **60 kes** merupakan saringan individu bergejala di fasiliti kesihatan.
- IV. **56 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (6 kes bergejala).

B. **Kes Kematian Covid-19 Baharu.**

Hari ini **terdapat tiga (3) kes** kematian baharu melibatkan jangkitan COVID-19. Ini menjadikan jumlah kematian akibat jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada seramai **140 orang**.

I. **Kes Kematian Ke-138.**

Kes kematian ke-138 melibatkan kes ke-18,803 melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 77 tahun yang telah dirujuk daripada sebuah hospital swasta ke Hospital Bintulu hasil daripada ujian RTK Antigen yang dikesan positif COVID-19 pada 07 April 2021. Kes ini turut mengalami gejala demam. Saringan ujian rt-PCR telah dibuat dan dikesan positif COVID-19 pada 08 April 2021. Keadaan kes didapati merosot dah disahkan meninggal dunia pada 17 April 2021. Kes ini mempunyai ko-morbid penyakit darah tinggi dan kencing manis.

II. Kes Kematian Ke-139.

Kes kematian ke-139 melibatkan kes ke-21,875 yang melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 35 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Sibu kerana mengalami kesesakan pernafasan. Kes mengalami demam dan batuk beberapa hari yang lepas. Ujian saringan COVID-19 dengan rT-PCR adalah positif pada 14 April 2021. Keadaan kesihatan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia pada 18 April 2021. Kes mempunyai ko-morbid seperti penyakit gout dan obesiti.

III. Kes Kematian Ke-140.

Kes kematian ke-140 melibatkan kes ke-21,203 yang melibatkan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 72 tahun yang telah mendapat rawatan di Hospital Miri kerana mengalami jangkitan kuman pada luka ulcer di bahagian sacral. Saringan ujian pra pembedahan melalui rapid test kit antigen dikesan positif pada 12 April 2021 dan ujian rT-PCR COVID-19 turut dikesan positif pada 13 April 2021. Keadaan kesihatan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia pada 19 April 2021. Kes memerlukan bantuan dalam urusan seharian (*ADL Dependent*).

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ucapan Takziah kepada semua ahli keluarga mangsa.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif).

Hari ini terdapat **346** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj iaitu dari PKRC di bawah Hospital Miri (87), PKRC di bawah Hospital Bintulu (80), PKRC di bawah Hospital Sibu (62), Hospital Umum Sarawak (46), Hospital Sarikei (26), PKRC Mukah (23), PKRC di bawah Hospital Kapit (13), Hospital Limbang (3), PKRC Betong (3), PKRC Serian (2) dan PKRC Lawas (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj meningkat kepada **18,719** orang atau **76.31%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **5,604** orang.

Manakala, **589 PUI** baharu telah dilaporkan dan **13 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Kluster Baharu [Empat(4) Kluster Baharu].

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan **empat (4)** kluster di Daerah Selangau, Tatau, Matu dan Mukah. Perincian kluster-kluster baharu tersebut adalah seperti berikut:

I. Kluster Sungai Anus, Selangau

Kluster Sungai Anus adalah sebuah kluster komuniti yang telah dikesan melibatkan sebuah rumah panjang di kawasan Sungai Anus, Selangau. Indeks kes kepada kluster ini adalah kes Ke-19,160 yang melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 69 tahun yang dikesan melalui saringan pra-perjalanan ke Daerah Bintulu di Klinik Kesihatan Selangau pada 05 April 2021 dan telah disahkan positif COVID-19 pada 09 April 2021. Kes yang bekerja sebagai pemandu lori di sebuah ladang di Daerah Tatau telah pulang ke Sungai Anus, Selangau pada 02 April 2021. Kes indeks ini tidak mengalami atau menunjukkan sebarang tanda atau gejala.

Hasil siasatan lanjut dan pengesahan kes secara aktif dalam kalangan kontak keluarga dan kontak kasual kepada kes indeks ini di rumah melaporkan penambahan 38 kes positif COVID-19. Manakala, sejumlah 51 individu telah disaring dimana;

- 39 kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 12 individu didapati negatif saringan pertama

Kesemua kes yang didapati positif COVID-19 telah dirujuk ke Hospital Sibu dan telah dimasukkan ke PKRC di Daerah Sibu bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut.

II. Kluster Sungai Selitut, Tatau

Kluster Sungai Selitut adalah sebuah kluster komuniti yang telah dikesan melibatkan sebuah rumah panjang di kawasan Sungai Selitut,Tatau. Indeks kes kepada kluster ini adalah kes ke-19,586 yang melibatkan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 39 tahun yang dikesan melalui saringan pra-pekerjaan di Klinik Kesihatan Tatau pada 08 April 2021 dan telah disahkan positif COVID-19 pada 10 April 2021. Kes sebelum ini pernah bekerja sebagai tukang binaan di sebuah ladang kelapa sawit di Daerah Tatau dan berhenti kerja pada 30 Mac 2021.

Beliau juga tidak mengalami gejala atau tanda jangkitan COVID-19 dan pergerakan kes indeks ini hanya melibatkan sekitar rumah panjang dan tempat kerja sahaja. Indeks kes juga telah dikesan mempunyai kontak kepada kes ke-20,242.

Hasil siasatan lanjut dan pengesanan kes secara aktif dalam kalangan kontak keluarga dan kontak kasual kepada kes indeks ini di rumah panjang melaporkan penambahan 17 kes positif COVID-19. Manakala, sejumlah 65 individu telah disaring dimana:

- 18 kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 47 individu didapati negatif saringan pertama

Kesemua kes yang didapati positif COVID-19 telah dirujuk ke Hospital Bintulu dan telah dimasukkan ke PKRC di Daerah Bintulu bagi tujuan pengasingan dan rawatan lanjut.

III. Kluster Sungai Passin, Matu

Kluster Sungai Passin adalah kluster komuniti yang telah dikesan melibatkan empat (4) buah rumah panjang yang terletak di Sungai Passin, Matu. Indeks kes kepada kluster ini adalah kes ke-16,827 iaitu seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 55 tahun yang telah dikesan melalui saringan individu bergejala di Hospital Sibu. Kes telah disahkan positif COVID-19 melalui ujian rT-PCR pada 02 April 2021.

Hasil pengesanan kes secara aktif dan saringan ke atas kontak rapat, ahli keluarga dan kontak kasual kepada indeks kes ini terdapat penambahan 48 kes positif COVID-19. Memandangkan kawasan tersebut berisiko tinggi, PKPD telah diwartakan ke atas kawasan Sungai Passin yang melibatkan tujuh (7) buah rumah panjang, sebuah sekolah rendah dan sebuah klinik kesihatan bermula dari 12 April hingga 25 April 2021. Pengesanan kes secara aktif telah dijalankan ke atas rumah-rumah panjang yang lain. Manakala, sejumlah 441 individu telah disaring dimana:

- 49 kes telah disahkan positif COVID-19 tidak termasuk kes indeks
- 389 kes didapati negatif; dan
- 3 kes masih menunggu keputusan makmal.

Kesemua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk dan telah dimasukkan ke Hospital Sibu dan PKRC di Sibu bagi tujuan rawatan lanjut dan pengasingan.

IV. Kluster Sungai Duan, Mukah

Kluster Sungai Duan adalah kluster komuniti yang telah dikesan melibatkan tujuh (7) buah rumah panjang yang terletak di Sungai Duan, Mukah. Indeks kes kepada kluster ini adalah kes ke-16,705 iaitu seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 65 tahun yang telah dikesan melalui saringan individu bergejala di Hospital Bintulu. Kes telah disahkan positif COVID-19 melalui ujian rT-PCR pada 02 April 2021.

Hasil pengesanan kes secara aktif dan saringan ke atas kontak rapat, ahli keluarga dan kontak kasual kepada indeks kes ini melaporkan penambahan 83 kes positif COVID-19.

Memandangkan kawasan tersebut berisiko tinggi, PKPD telah diwartakan ke atas kawasan Sungai Duan yang melibatkan sembilan (9) buah rumah panjang bermula dari 11 April hingga 24 April 2021.

Pengesahan kes secara aktif telah dijalankan ke atas rumah-rumah panjang yang lain. Manakala sejumlah 321 individu telah disaring dimana:

- 84 kes telah disahkan positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 206 kes didapati negatif; dan
- 31 kes masih menunggu keputusan makmal.

Kesemua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk dan telah dimasukkan ke Hospital Bintulu, Hospital Sibu dan PKRC Mukah bagi tujuan rawatan lanjut dan pengasingan.

E. Kluster Tamat [Satu (1) Kluster Tamat].

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisy蒂har **satu (1) kluster tamat** iaitu **Kluster Sungai Bakong, Meradong** setelah tiada kes baharu dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 28 hari yang lepas.

F. Kluster Yang Masih Aktif.

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **49 kluster**. Sebanyak 12 kluster telah merekodkan 153 penambahan kes baharu manakala 37 kluster tidak merekodkan penambahan kes.

G. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Sri Aman dan Bukit Mabong telah bertukar status kepada status Merah daripada status Jingga** setelah masing-masing merekodkan sejumlah 50 kes dan 44 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah berstatus Merah telah meningkat kepada 20 daerah.

Daerah Tatau pula telah bertukar status daripada status Kuning kepada status Jingga setelah merekodkan sejumlah 33 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Jumlah daerah berstatus Jingga sebanyak lima (5) daerah.

Manakala, 11 daerah berstatus Kuning dan empat (4) daerah kekal berstatus Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **13 kompaun** di daerah Miri (11) dan Samarahan (2) kerana telah melanggar SOP. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan sejak 18.03.2020 hingga hari ini sebanyak **5,892 kompaun**.

3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat keputusan berikut:

A. Penutupan Institusi Pendidikan di Kawasan Zon Merah

Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, pengoperasian Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan semua kategori Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM termasuk Sekolah Antarabangsa yang berada dikawasan **Zon yang berstatus Merah** adalah **DITUTUP** berkuatkuasa 20 April 2021 (mulai 12:01 pagi) sehingga 3 Mei 2021 (11:59 malam) (14 hari). Ini termasuk:

- i. Taska/Tadika
- ii. Sekolah Rendah
- iii. Sekolah Menengah
- iv. Politeknik
- v. Universiti (Awam dan Swasta)
- vi. Pusat Tuisyen

Hanya pelajar yang sedang menduduki ujian SPM dan STPM adalah dibenarkan menghadiri sekolah untuk mengambil ujian. Sila rujuk kepada SOP sekolah masing-masing.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
19 APRIL 2021
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cumm. Positive Cases		23,940	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)						5,604	22.85%		
New Cases		589	Cases in Intensive Care Unit (ICU)						11	0.04%		
Total Samples by Individu		666,729	Intubated Cases						24	0.10%		
Cumm. Positive Cases		24,529	Total COVID-19 Death Cases						140	0.57%		
IR per 100,000 population		795.13	Total Non-COVID-19 Death Cases						60	0.24%		
Lab. Results (PUI)		New	Cummulative	Recovered and discharged cases						18,719	76.31%	
Negative		46	13,146	Patient Under Investigation (PUI)						New	Cummulative	
PUI Pending Result		0	13							589	37,688	

Current Status		SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Betong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	PKRC Di Semuja	Hospital Sri Aman	PKRC Penjara Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)		898	1,134	1,280	741	7	306	332	85	330	107	0	5	53	326	0	0	5,604
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		2	8	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	11
Intubated cases		2	18	1	1	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	24
Total COVID-19 Death Cases		21	81	20	13	0	2	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	140
Total Non-COVID-19 Death Cases		9	20	7	14	0	0	6	2	0	0	0	0	2	0	0	0	60
Recovered and discharged cases	New	46	62	80	87	3	26	13	3	23	2	1	0	0	0	0	0	346
	Cummulative	3,100	6,592	2,390	2,695	26	1,172	1,285	416	178	250	7	421	163	20	1	3	18,719
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED		3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)		4,025	7,820	3,691	3,466	33	1,483	1,630	505	509	357	7	429	216	346	1	3	24,521

DAERAH MERAH (20)																	
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)		Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari		Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.
1	Sri Aman	13	666	13	610	0	234	0	0	0	1	375		250		50	
2	Bukit Mabong	0	61	4	129	4	92	0	0	0	0	37		44		44	
3	Belaga	0	63	0	58	0	14	0	1	0	0	43		45		45	
4	Kanowit	6	382	6	492	0	424	0	1	0	3	64		62		61	
5	Selangau	7	239	11	279	0	112	0	0	0	1	166		172		172	
6	Saratok	1	140	1	98	0	47	0	0	0	2	49		61		60	
7	Subis	2	372	2	422	2	282	0	0	0	0	140		147		147	
8	Matu	8	189	8	112	0	83	0	1	0	0	28		59		59	
9	Mukah	82	491	82	410	24	120	0	0	0	0	290		376		373	
10	Sarikei	31	428	31	342	13	240	0	0	0	1	101		166		162	
11	Beluru	0	317	0	346	10	278	0	1	0	0	67		70		70	
12	Samarahan	4	1,208	3	589	5	472	0	0	0	6	111		112		81	
13	Serian	4	1,118	4	891	1	776	0	4	0	0	111		79		72	
14	Julau	1	410	1	412	8	383	0	0	0	4	25		80		80	
15	Meradong	19	763	16	746	6	567	0	2	0	1	176		297		289	
16	Kuching	43	12,427	44	2,892	37	2,120	0	5	0	12	755		942		918	
17	Kapit	76	1,259	72	1,137	8	863	0	6	0	4	264		322		316	
18	Bintulu	99	3,871	99	3,386	77	2,171	0	4	1	16	1195		1,431		1,426	
19	Miri	30	3,448	30	2,616	70	2084	0	12	1	15	505		621		612	
20	Sibu	134	7,023	133	6,713	61	5,733	0	15	1	66	895		1,161		1,143	
Jumlah		560	34,875	560	22,680	326	17,095	0	52	3	132	5,397		6,497		6,180	

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH JINGGA (5)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
1	Tatau	16	55	16	48	1	17	0	0	0	0	31	33	33
2	Betong	0	662	0	490	3	462	0	3	0	1	24	24	23
3	Asajaya	0	80	0	42	1	30	0	0	0	0	10	22	22
4	Sebauh	0	101	0	130	1	107	0	0	0	0	23	24	24
5	Marudi	0	61	0	50	5	27	0	0	0	0	23	24	24
Jumlah		16	959	16	760	11	643	0	3	0	1	111	127	126

DAERAH KUNING (11)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Pusa	0	25	0	18	0	17	0	0	0	0	1	1	1
2	Song	1	297	1	362	1	338	0	1	0	2	21	23	17
3	Bau	0	351	0	141	2	123	0	1	0	0	17	16	12
4	Kabong	1	14	1	19	0	1	0	0	0	0	18	18	12
5	Dalat	2	375	2	250	0	241	0	1	0	1	7	8	7
6	Daro	0	74	0	12	0	8	0	1	0	0	3	6	6
7	Lubok Antu	0	65	0	36	0	31	0	0	0	0	5	15	13
8	Tanjung Manis	5	59	5	39	0	29	0	0	0	2	8	8	6
9	Pakan	4	26	4	28	0	20	0	0	0	0	8	11	11
10	Tebedu	0	21	0	20	1	19	0	0	0	0	1	2	2
11	Limbang	0	78	0	43	3	34	0	1	0	1	7	18	11
Jumlah		13	1,385	13	968	7	861	0	5	0	6	96	126	98

DAERAH HIJAU (4)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	46	0	27	1	27	0	0	0	0	0	0	0
2	Telang Usan	0	4	0	5	0	5	0	0	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	341	0	72	0	72	0	0	0	0	0	0	0
4	Simunjan	0	78	0	17	1	16	0	0	0	1	0	1	0
Jumlah		0	469	0	121	2	120	0	0	0	1	0	1	0

Jumlah Besar	589	37,688	589	24,529	346	18,719	0	60	3	140	5,604	6,751	6,404
--------------	-----	--------	-----	--------	-----	--------	---	----	---	-----	-------	-------	-------

A. Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah

RINGKASAN BILANGAN KES MENGIKUT KATEGORI PENGESANAN

Daerah	Bilangan Kes Baharu	Kategori Kes Mengikut Pengesanan							Bilangan Kes Bergejala	
		Kluster aktif sedia ada	Saringan Kontak kepada kes positif	Saringan Individu Bergejala	Survelan di fasiliti kesihatan	Kes Import		Lain-lain Saringan		
						Import A	Import B			
Sibu	133	Jalan Disa=3 Bulatan Aman=2 Jalan Ding Lik Kwong=1	89	33	0	0	0	5	33	
Bintulu	99	0	63	13	1	0	0	22	26	
Mukah	82	Jalan Bambangan=20 Sungai Duan=62	0	0	0	0	0	0	0	
Kapit	72	0	70	0	0	0	0	2	5	
Kuching	44	Jalan Puncak Borneo=22	5	0	0	0	0	17	0	
Sarikei	31	0	28	0	0	0	0	3	0	
Miri	30	0	26	2	1	0	0	1	2	
Meradong	16	Sungai Kawi=13	0	0	0	0	0	3	0	
Tatau	16	Sungai Selitut=16	0	0	0	0	0	0	10	
Sri Aman	13	0	13	0	0	0	0	0	0	
Selangau	11	0	7	4	0	0	0	0	4	
Matu	8	Sungai Passin=7	1	0	0	0	0	0	0	
Kanowit	6	0	3	3	0	0	0	0	3	
Tanjung Manis	5	0	1	4	0	0	0	0	4	
Bukit Mabong	4	0	4	0	0	0	0	0	0	
Serian	4	Tarat Tani=4	0	0	0	0	0	0	0	
Pakan	4	0	3	1	0	0	0	0	1	
Samarahan	3	0	3	0	0	0	0	0	0	
Subis	2	Abak Bon=2	0	0	0	0	0	0	0	
Dalat	2	0	2	0	0	0	0	0	0	
Kabong	1	0	1	0	0	0	0	0	0	
Song	1	0	0	0	0	0	0	1	0	
Saratok	1	0	1	0	0	0	0	0	0	
Julau	1	0	1	0	0	0	0	0	0	
JUMLAH	589	152	321	60	2	0	0	54	88	

B. Kluster Yang Masih Aktif

Bil.	Nama Kluster	Bil. Kes Baharu (termasuk kes yang telah didaftar sebelum ini)	Kumulatif Kes	Jumlah Individu Masih menunggu Keputusan Ujian Saringan	Jumlah Individu Negatif Ujian rT-PCR	Jumlah Individu Disaring	Bilangan Kes Aktif	Bilangan Kematian
1	Kluster Gelong, Kapit	0	296	0	45	341	3	0
2	Kluster Emperoh Jambu, Kuching	0	376	0	2,643	3,019	6	0
3	Kluster Jalan Muhibbah, Betong	0	370	0	2,984	3,354	6	1
4	Kluster Jalan Awang, Sibu	0	60	0	1	61	1	0
5	Kluster Jalan Tanjung, Bintulu	0	71	0	165	236	1	0
6	Kluster Nanga Bulo, Julau	0	40	0	124	164	0	0
7	Kluster Jalan Sanyan, Sibu	0	146	0	661	807	5	1
8	Kluster Jalan Kampung Hilir, Sibu	0	62	0	1,607	1,669	0	0
9	Kluster Jalan Merpati, Miri	0	133	0	946	1,079	0	0
10	Kluster Depot Imigresen Semuja, Serian	0	447	0	293	740	7	0
11	Kluster Tanjung Genting, Meradong	0	123	0	193	316	4	0
12	Kluster Rajang, Tanjung Manis	0	40	0	452	492	0	2
13	Kluster Chupak, Serian	0	125	0	226	351	30	0
14	Kluster Lorong Desa Senadin, Miri	0	49	0	189	238	3	0
15	Kluster Batu Gong, Serian	0	109	0	416	525	12	0
16	Kluster Jalan Gridbid, Miri	0	57	0	247	304	5	0
17	Kluster Kampung Baru Hilir, Samarahan	0	115	0	835	950	6	1
18	Kluster Jalan Tanjung Kidurong, Bintulu	0	63	0	103	166	5	0
19	Kluster Taman Vistagro, Sri Aman	0	25	0	157	182	2	0
20	Kluster Jalan Kingsway, Miri	0	93	0	445	538	15	0
21	Kluster Bulatan Aman, Sibu	2	212	0	36	248	48	0
22	Kluster Jalan Baji, Sarikei	0	97	6	760	863	16	0
23	Kluster Kampung Binyu, Kuching	0	161	0	413	574	53	0
24	Kluster Tembok Sri Aman, Sri Aman	0	379	0	89	468	346	0
25	Kluster Sungai Mupong, Meradong	0	18	0	12	30	0	0
26	Kluster Sungai Rassau, Matu	0	19	0	684	703	1	0
27	Kluster Jalan Maju, Sibu	0	78	0	46	124	31	0
28	Kluster Jalan Bangunan Kerajaan, Beluru	0	51	0	134	185	11	1
29	Kluster Sungai Kawi, Meradong	13	213	115	263	591	113	0
30	Kluster Jalan Kapitan, Marudi	0	31	0	160	191	15	0

31	Kluster Disso, Saratok	0	68	0	184	252	48	1
32	Kluster Sungai Gemuan, Meradong	0	47	15	198	260	12	1
33	Kluster Pujut Satu, Miri	0	26	0	94	120	2	0
34	Kluster Jalan Bambangan, Mukah	20	225	349	1,129	1,703	199	0
35	Kluster Abak Bon, Subis	2	122	0	278	400	105	0
36	Kluster Jalan Badarudin, Kuching	0	19	0	72	91	5	0
37	Kluster Nanga Kelangas, Julau	0	37	0	20	57	8	0
38	Kluster Jalan Puncak Borneo, Kuching	22	470	0	75	545	365	0
39	Kluster Jepak, Bintulu	0	57	3	350	410	50	0
40	Kluster Jalan Sultan Iskandar, Bintulu	0	27	55	358	440	23	0
41	Kluster Jalan Disa, Sibu	3	38	30	182	250	38	0
42	Kluster Jalan Ding Lik Kwong, Sibu	1	17	0	27	44	17	0
43	Kluster Ulu Balingian, Selangau	0	101	0	99	200	101	0
44	Kluster Jalan Bintulu-Sibu, Tatau	0	11	315	220	546	10	0
45	Kluster Tarat Tani, Serian	4	25	149	146	320	25	0
46	Kluster Sungai Anus, Selangau	1	39	0	12	51	39	0
47	Kluster sungai Selitut, Tatau	16	18	0	47	65	18	0
48	Kluster Sungai Passin, Matu	7	49	3	389	441	49	0
49	Kluster Sungai Duan, Mukah	62	84	31	206	321	84	0
JUMLAH		153	5,539	1,071	19,415	26,025	1,943	8

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **631 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **97 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **7,202 orang**. Manakala seramai **89,246 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 19.04.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,598)	Hock Lee	138
2		Grand Dorman	52
3		Kuching Park	150
4		Pullman	315
5		Hilton	276
6		Harbour View	208
7		Riverside (Astana Wing)	230
8		Grand Margherita	312
9		Imperial Boulevard	189
10		Tune Hotel	80
11		Dorman Hotel	41
12		Grand Continental	168
13		Meritin	43
14		Longhouse	92
15		Abell	62
16		Lot 10	43
17		Telang Usan	40
18		Imperial Riverbank	90
19		Kingwood	69
20	Miri (881)	Mega Hotel	75
21		Somerset	51
22		Imperial Palace	101
23		Imperial New Wing	120
24		Paragon	35
25		Meritz	147
26		Miri	39
27		Dynasty	120
28		Kenyalang Suite	22

29		Citi Hotel	26
30		Nova	40
31		Emart Hotel	105
32	Bintulu (2,420)	Utama Inn	24
33		Fairfield by Marriot	167
34		Motel Kapok	98
35		Faber Inn	43
36		AA Inn	32
37		Ambassador	31
38		Kemenia Inn	23
39		Green	79
40		Kemenia Plaza	229
41		40ty Inn	36
42		Lengkap Inn	92
43		Studio Inn	56
44		Moonstar Inn	17
45		Parkcity Garden	40
46		Mega Inn	65
47		Kriss Lodge	53
48		Centre Inn	25
49		Welcome Inn	20
50		Parkcity Garden 2	132
51		Lucky 5 Inn	33
52		900 Inn	18
53		New World Suite	43
54		Golden Bay	14
55		Kemenia Resort	337
56		Inn 86	27
57		Sunlight Inn	15
58		Hover Hotel	41
59		Royal Hotel	54
60		Ocean Inn	32
61		Best Lodge	18
62		H5 Inn	48
63		DK Value Inn	41
64		Li Hua	79
65		Grand Faber Inn	31

66		JC Mark Hotel	20
67		186 Inn	29
68		Riverfront	15
69		682 Inn	33
70		Sir Inn	33
71		Kintown Inn	66
72		@Thome Inn	49
73		Kemenia Residence	39
74		Amigo Hotel	43
75	Limbang (320)	Purnama	101
76		Mandarin (Lawas)	30
77		Shangsan (Lawas)	75
78		Seri Malaysia (Lawas)	114
79	Sibu (397)	Premier	266
80		Kawan	96
81		Sarawak	35
82	Samarahan (121)	INFRA	67
83		Kolej Rafflesia, UNIMAS	47
84		UiTM Samarahan	7
85	Sarikei (126)	Garden Hotel	55
86		Dragon	71
87	Betong (124)	Mega Inn	21
88		Medan Inn	5
89		Victoria Inn	37
90		Asia Inn	11
91		Homestay Betong	18
92		Victoria Inn 2	32
93	Serian (67)	Transit Inn	37
94		Ranchan	30
95	Mukah (124)	Kingwood	119
96		UiTM Mukah	5
97	Sri Aman (24)	Good View	24
		Jumlah PUS	7,202

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **31 lokasi di Sibu (7), Sarikei (6), Kuching (4), Serian (3), Samarahan (2), Mukah (2), Miri (2), Limbang (2), Betong (1), Kapit (1) dan Bintulu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **3,879 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 19.04.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	4	1,013
2	Miri	2	787
3	Sibu	7	410
4	Sarikei	6	381
5	Samarahan	2	253
6	Kapit	1	224
7	Bintulu	1	202
8	Serian	3	161
9	Limbang	2	136
10	Betong	1	118
11	Mukah	2	116
12	Sri Aman	TIADA	78
Jumlah Keseluruhan			3,879

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **37 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 19.04.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	5
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	MD Kapit	3
5	MCC	13
6	MD Marudi	4
Jumlah		37

5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 19.04.2021 @ 3.00 petang)

DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Joon Huo Tailor, Bdc	Workplace	up till 10.04.2021	NR
TLC Sinar Maju 7th Mile	Workplace	01 - 08.04.2021	8.00 am - 5.00 pm
Mc Donald Tabuan	Social activity-Customer	03.04.2021	3.00 pm
Kuching Central	Social activity-Customer	07.04.2021	6.00 pm
CS Mini Market 7th Mile	Social activity-Customer	09.04.2021	10.00 am
Tung Yang 7th Mile	Social activity-Customer	09.01.2021	11.00 am
Klinik Dr Kelly 7th Mile	Social activity-Customer	10.04.2021	10.00 am
Food Haven The Hills	Eatery	10.04.2021	1.00 pm - 2.00 pm
Dai Pai Dang Café, Pending	Eatery	10.04.2021	7.45 am - 8.15 am
Chee Yung Café, Taman Stutong Indah	Eatery	12.04.2021	7.30 am - 8.00 am
H&L Semariang	Social activity-Customer	13.04.2021	1.30 pm - 2.00 pm
Mydin Bandar Baru Semariang	Social activity-Customer	13.04.2021	2.15 pm - 2.45 pm

DAERAH SAMARAHAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Friendly Café	Eatery	29.03.2021	1.00 pm - 2.00 pm
La Promenade	Social activity-Customer	31.03.2021	1.00 pm - 1.40 pm
Summermall	Social activity-Customer	02.04.2021	6.00 pm - 7.20 pm
Unaco	Social activity-Customer	02.04.2021	5.30 pm - 5.45 pm
Pizza Hut Kota Samarahan	Social activity-Customer	08.04.2021	6.00 pm - 7.10 pm
Farley	Social activity-Customer	10.04.2021	10.00 am - 10.25 am 5.30 pm - 6.00 pm
Satex	Social activity-Customer	10.04.2021	10.30 am - 10.50 am
New Dragon City	Social activity-Customer	10.04.2021	11.00 am - 11.35 am

DAERAH SARIKEI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Klinik Dr Wong, Sarikei	Social activity-Customer	13.04.2021	10.53 am - 11.30 am
Klinik Dr Sylvia Yii, Sarikei	Social activity-Customer	14.04.2021	7.12 pm - 7.45 pm
Friendly Departmental Store, Sarikei	Social activity-Customer	16.04.2021	6.50 pm - 7.20 pm
Hong Leong Bank, Sarikei (ATM)	Social activity-Customer	16.04.2021	4.10 pm - 4.20 pm

DAERAH SIBU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Elite Copy Centre	Workplace	09.04.2021	8.00 am - 6.00 pm
		10.04.2021	
		11.04.2021	
Tung Luk Corner	Eatery	06.04.2021	11.40 am - 12.25 pm
Dapur Azra Sibu	Eatery	06.04.2021	8.43 am - 9.30 am
Sibu Thomson Corner (Pedada)	Eatery	06.04.2021	4.52 pm - 5.30 pm
Mami Café	Eatery	07.04.2021	1.13 pm - 2.00 pm
Kim Hock Premier Food Court	Eatery	07.04.2021	8.23 pm - 9.25 pm
Ameer Mz Corner	Eatery	08.04.2021	1.20 pm - 2.10 pm
Chopsticks Food Court	Eatery	08.04.2021	3.07 pm - 3.50 pm
SenQ Delta Mall	Social activity-Customer	09.04.2021	4.23 pm - 4.45 pm
Sibu IT Enterprise Sdn Bhd	Social activity-Customer	09.04.2021	4.20 pm - 4.40 pm
Kimchi Korea Sdn Bhd	Eatery	09.04.2021	7.38 pm - 8.25 pm
Se7En Café	Eatery	09.04.2021	12.10 pm - 1.00 pm
SCR Brooke Drive	Eatery	10.04.2021	11.27 am - 12.10 pm
Giacomo Sibu	Social activity-Customer	10.04.2021	11.41 am - 12.00 pm
Ing Choon Corner	Eatery	11.04.2021	8.37 am - 9.15 am
KFC Sing Kwong	Eatery	12.04.2021	6.00 pm - 6.45 pm
Shun Cheong 1995 Goldsmith Sibu	Social activity-Customer	12.04.2021	11.51 am - 12.10 pm
Sushi King East Malaysia Sdn Bhd	Eatery	12.04.2021	3.22 pm - 4.15 pm
KFC Tanahmas	Eatery	12.04.2021	6.20 pm - 7.10 pm
MC Hair Style & Makeup Studio	Social activity-Customer	13.04.2021	11.57 am - 12.40 pm
Delicious Café Café	Eatery	13.04.2021	7.39 am - 8.15 am
Happy Sweet Garden Food Centre	Eatery	14.04.2021	6.55 am - 7.35 am
Eljo Restaurant Sdn Bhd	Eatery	14.04.2021	9.25 pm - 9.45 pm
Sibu Yu Chiong Foodstuffs Distributors Sdn Bhd	Social activity-Customer	16.04.2021	9.46 am - 10.00 am
Pasar Tamu Sibu Jaya	Social activity-Customer	16.04.2021	12.53 pm - 1.10 pm

DAERAH KAPIT

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Kiong Sing General Store	Social activity-Customer	25.03.2021	5.00 pm - 6.00 pm
CCK Supermarket	Social activity-Customer	25.03.2021	12.00 pm - 1.00 pm
Borneo Supermarket	Social activity-Customer	25.03.2021	6.00 pm - 7.00 pm
Keluarga Supermarket	Social activity-Customer	04.04.2021	5.00 pm - 6.00 pm

DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Sushi Station	Eatery	07.04.2021	3.15 pm - 4.00 pm
Kaya & Toast	Eatery	08.04.2021	10.10 am - 10.45 am
New World Mart	Social activity-Customer	08.04.2021	12.05 pm - 12.35 pm
Srikandi Cafe	Eatery	09.04.2021	12.10 pm - 12.50 pm
HM The Spring	Social activity-Customer	10.04.2021	6.05 pm - 6.40 pm
Reggae's Loaf	Eatery	10.04.2021	10.30 am - 11.35 am
Garden Food Street	Eatery	10.04.2021	9.35 am - 10.10 am
MDS Medan Jaya	Social activity-Customer	10.04.2021	3.00 pm - 3.10 pm
MDS Freshmart Sdn Bhd	Social activity-Customer	11.04.2021	11.00 am - 11.15 am
Unique Eatery Cafe	Eatery	12.04.2021	10.55 am - 11.30 am

DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
28 Food Centre,Jalan Calliandra	Eatery	02.04.2021	7.30 am - 8.00 am
Mirimi Café,Jalan Duranta	Eatery	04.04.2021	7.15 am - 7.45 am
Anis Sup Utara, Jalan Sylvia	Eatery	05.04.2021	2.40 pm - 3.10 pm
Starbuck , Jalan Marina 3	Eatery	06.04.2021	11.20 am - 11.35 am
Secret Recipe, Permy Mall	Eatery	06.04.2021	4.35 pm - 5.10 pm
Happiness Café,Jalan Boulevard 3	Eatery	06.04.2021	7.15 am - 7.45 am
The Little Chef ,Jalan Boulevard 2d	Eatery	07.04.2021	12.40 pm - 1.15 pm
Scr, Jalan Maju	Eatery	08.04.2021	10.05 am - 10.35 am
Awang Mahyan Café, Jalan Miri - Bintulu	Eatery	08.04.2021	1.50 pm - 2.20 pm
Ming Café Miri Borneo, Jalan Merbau	Eatery	09.04.2021	6.10 pm - 8.00 pm
Ma Baker, Jalan Pujut 7	Eatery	09.04.2021	6.00 pm - 6.10 pm
Q Bbq Seafood Steamboat Foodcourt,Jalan Dato Permaisuri 5	Eatery	10.04.2021	4.40 pm - 5.15 pm
9696 Café, Jalan Sim Cheng Kay	Eatery	11.04.2021	7.35 am - 7.50 am
Tokyo Restoran, Jalan Krokop 10b	Eatery	11.04.2021	10.50 am - 11.25 am
Mat Kolok Lutong, Jalan Pasar Lutong	Eatery	11.04.2021	12.10 pm - 12.35 pm
Jakarta Café,Jalan Melayu	Eatery	12.04.2021	11.20 am - 12.00 pm
Starbuck , Imperial City Mall	Eatery	14.04.2021	10.35 am - 11.00 am